



**AHAD, 8 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG**

**HEBAHAN TERKINI BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) WABAK COVID-19
[9 NOVEMBER 2020 – 6 DISEMBER 2020]**

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negara kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan mulai 9 November sehingga 6 Disember 2020 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 7 November 2020, Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Nerve Centre telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut demi menjaga kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan warga kampus dan juga membantu melandaikan lengkung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

1. PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS

Semua pelajar disarankan untuk menangguhkan hasrat untuk kembali ke kampus sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak, tertakluk kepada arahan pihak kerajaan dan juga hebahan pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Oleh itu, sepanjang tempoh PKPB dilaksanakan, pihak Universiti melalui Nerve Centre memutuskan untuk **TIDAK** membenarkan pelajar masuk ke kampus. Ini juga **MEMBATALKAN** kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini pada hebahan 5 November 2020 berkenaan kemasukan pelajar secara berperingkat pada tarikh-tarikh tertentu dalam bulan November dan juga hebahan 7 Oktober 2020 yang membenarkan kemasukan pelajar baharu dan senior pada 7 Disember 2020 (selepas tamat cuti pertengahan semester).

Sehubungan itu juga, kelulusan Dekan/Pengarah sebelum ini melalui Borang A – Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus adalah **TERBATAL** mulai PKPB dilaksanakan. Pelajar perlu mengisi semula **Borang A yang baharu** (mohon rujuk kepada Nerve Centre) dan juga Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 melalui Campus Online tiga (3) hari sebelum masuk ke kampus.

Pusat Pengajian masing-masing akan memaklumkan perancangan mereka mengenai pelaksanaan Semester 1, Sidang Akademik 2020/2021 seterusnya. Semua sesi pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan secara dalam talian.

2. AKTIVITI DI MAKMAL DALAM KAMPUS

Secara dasarnya semua aktiviti makmal bagi pelajar ijazah pertama (undergrads) dan pelajar pasca siswazah (postgrads) tidak digalakkan dalam tempoh dua minggu pertama pelaksanaan PKPB.

Walau bagaimanapun, kelulusan khas boleh diberi oleh Ketua Jabatan sekiranya kerja makmal melibatkan keperluan mendesak seperti:

- Kerja melibatkan bahan/spesimen hidup yang akan rosak

- Melibatkan kerugian kos yang tinggi sekiranya diberhentikan kerja makmal
- Komitmen ujian dan kerja melibatkan klien industri dan lain-lain
- Justifikasi lain yang dinilai sebagai “must have” yang tidak boleh dihentikan.

Semua kes di atas akan memerlukan penggunaan **Borang A yang baharu** (mohon rujuk kepada Nerve Centre) untuk tempoh dua minggu pertama PKPB ini. Borang A - Borang Kebenaran Khas Kembali ke Kampus yang telah diluluskan sebelum PKPB adalah **TERBATAL**.

PTJ diminta memastikan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan pihak Universiti sebelum ini mengenai penggunaan makmal dipatuhi sepenuhnya.

3. PELAJAR PULANG KE KEDIAMAN MASING-MASING DALAM TEMPOH PKPB

Di sepanjang tempoh PKPB ini, pelajar sedia ada dalam kampus tidak digalakkan untuk pulang ke kampung halaman/kediaman masing-masing. Namun begitu, pelajar **DIBENARKAN** berbuat demikian dengan syarat:

- Mendapat kebenaran khas daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, dan memaklumpkannya kepada pihak Nerve Centre.
- Menyerahkan kunci bilik masing-masing kepada pejabat desasiswa sebelum pulang ke rumah.

Walau bagaimanapun, pelajar yang pulang ke kampung halaman **TIDAK DIBENARKAN** untuk kembali semula ke kampus sehingga tamat tempoh PKPB.

Hebahan ini adalah terpakai untuk Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT) sahaja.

4. PENGGUNAAN BORANG-BORANG KHAS UNTUK KEBENARAN KELUAR-MASUK KE KAMPUS

Penggunaan borang-borang khas untuk kebenaran keluar-masuk ke kampus seperti yang dihebahkan pada 9 Oktober 2020 masih diguna pakai sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

5. SOLAT JUMAAT DI MASJID AL-MALIK KHALID USM

Solat Jumaat di Masjid Al-Malik Khalid USM akan berjalan seperti biasa dengan mematuhi SOP yang sedia ada. Sehubungan itu juga, pintu laluan pejalan kaki Sungai Dua akan dibuka pada hari Jumaat bermula jam 12.30 tengah hari sehingga 2.30 petang. Ini tertakluk kepada sebarang pengumuman terkini dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

6. AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DALAM KAMPUS

Staf dan pelajar yang berada di dalam kampus **DIBENARKAN** untuk melakukan aktiviti sukan dan riadah *indoor* dan *outdoor* yang tidak bersentuhan fizikal (non-contact sports) dan dijalankan secara individu / tidak melebihi 10 orang seperti berjalan, jogging, berbasikal, dan sebagainya dengan mematuhi SOP yang sedia ada (rujuk kepada SOP PKPB Majlis Keselamatan Negara, MKN).

7. PERINGATAN

Dalam tempoh PKPB ini, semua pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian hotline Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk :- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan :- 09-7671310
- 3) Kampus Kejuruteraan :- 04-5995530/5531/5532/5533
- 4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) :- 04-5622999

Email :- nerve_centre_usm@usm.my

PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Universiti Sains Malaysia

8 November 2020